

ちから  
力だめし Bahagian II Sekolah Rendah Tahun 6 Matematik 3 【Hubungan Kuantitatif】

Kerja rumah yang berkaitan dengan jumlah pengeluaran beras bagi bandar A telah diberikan.

Pada hari ini, adakah awak membawa kerja sekolah tersebut?

Ya, saya bawa. Kerja rumah yang berkaitan dengan jumlah pengeluaran beras kan?

Saya telah menjumpai carta pai yang menunjukkan peratus pengeluaran hasil pertanian mengikut jenis bagi bandar A.

Berdasarkan carta pai tersebut, peratus beras bagi tahun 1970 adalah 60% dan peratus beras bagi tahun 2000 adalah 40%.

Peratus menurun telah dikenalpasti.

Saya merasakan bahawa carta pai tersebut mempunyai kesalahan.

Graf yang saya bawa adalah graf bar.

Sila lihat pada tahun 1970 dan tahun 2000. Ia meningkat.

Adakah carta pai ini mempunyai kesalahan?

Kedua-dua mempunyai graf yang bagus. Tapi, semua jawapan adalah salah.

Berdasarkan kerja rumah yang telah diberikan, jumlah pengeluaran beras tidak boleh diketahui dengan hanya melihat kepada semua graf ini sahaja.

Jadi, bagaimana kita harus mengetahui jumlah pengeluaran beras?

Saya rasa graf bar ini adalah salah.

Graf bar menunjukkan pengeluaran hasil pertanian bagi bandar A.

Graf tersebut tidak menunjukkan hasil pengeluaran beras.

Berdasarkan carta pai, jumlah pengeluaran beras bagi tahun 1970 adalah 60% dan bagi tahun 2000 adalah 40%.

Penurunan telah dikenalpasti.

Tetapi carta pai menunjukkan peratus.

Jawapan tidak boleh diberi sekiranya jumlah keseluruhan tidak dikenalpasti.

Dengan menggunakan jumlah harga pada graf bar dan peratus beras pada carta pie, kita dapat mengetahui jawapannya.

Dengan menggunakan jumlah pengeluaran hasil pertanian bagi setiap tahun dan peratus beras,

Untuk mendapatkan jawapan, apakah rumus yang perlu dikeluarkan?

Jumlah pengeluaran beras pada tahun 1970 adalah 20 juta yen.

60% daripada 20 juta yen adalah,  $20 \text{ juta yen} \times 0.6 = 12 \text{ juta yen}$

Jumlah pengeluaran beras pada tahun 2000 adalah 50 juta yen.

40% daripada 50 juta yen adalah,  $50 \text{ juta yen} \times 0.4 = 20 \text{ juta yen}$ .

Tahun 1970 adalah 12 juta yen. Tahun 2000 adalah 20 juta yen.

Kita sudah mendapat jawapan.

Berdasarkan carta pai, ia menunjukkan penurunan tetapi, terdapat kesalahan yang dikenalpasti.

Kelebihan carta pai adalah kita boleh mengetahui yang manakah lebih banyak dengan senang.

Seterusnya, bilangan yang meningkat, menurun, dan berubah boleh dikenalpasti dengan mudah.

Tetapi, dalam soalan ini, ada juga jawapan yang memerlukan dua graf.

Apakah yang tertulis dalam soalan ini?

Dan, bahan yang manakah lebih sesuai digunakan?

Harap anda dapat kenalpasti dengan betul.